

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

FEL 308 Farmakognosi

Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Terangkan parameter-parameter penilaian farmakognosi secara umum.

(10 markah)

- (B) Bincangkan bagaimana anda menggunakan parameter-parameter yang sesuai bagi menilai ubat-ubat tradisional tempatan.

(10 markah)

2. (A) Bincangkan peranan bidang farmakognosi dan fitokimia dalam kegiatan penyelidikan dan pembangunan ubat tradisional tempatan.

(10 markah)

- (B) Berikan tiga (3) contoh minyak meruap tempatan dan tumbuhan yang menghasilkannya. Terangkan bagaimana memperolehnya dan kegunaannya.

(10 markah)

3. (A) Tunjukkan bagaimana tumbuhan dapat menghasilkan sebatian-sebatian primer dan sekunder. Terangkan dengan rajah yang sesuai.

(10 markah)

(B) Tulis nota ringkas mengenai

- (i) Alkaloid secara umum
- (ii) Minyak lemak
- (iii) Tanin
- (iv) Lanolin

(10 markah)

4. (A) Sebatian-sebatian gula seperti sukrosa dan karbohidrat yang lain banyak terdapat di negara kita. Berikan lima (5) contoh karbohidrat dan terangkan bagaimana proses penghasilan bahan tersebut.

(B) Terangkan kegunaan bahan-bahan tersebut dalam farmasi.

(20 markah)

5. (A) Dengan menggunakan contoh yang sesuai, berikan jenis-jenis glikosida yang terdapat dalam tumbuhan.

(B) Terangkan struktur, ciri-ciri dan kegunaan salah satu glikosida.

(20 markah)

6. Nyatakan persamaan ciri-ciri daripada kanji terubahsuai, gelatin, agar-agar dan karageenan yang berguna bagi farmasi.

Terangkan asal-usul bahan-bahan tersebut, cara pemprosesan, kandungan dan kegunaannya masing-masing.

Bagaimanakah anda membezakan satu sama lain?

(20 markah)